

17/12/2001

Nur Misuari: Malaysia masih tunggu keputusan Filipina

PUTRAJAYA, Ahad - Malaysia ingin mengetahui pendirian terbaru Manila mengenai kedudukan Pemimpin Barisan Pembebasan Moro (MNLF), Nur Misuari, sebelum membuat keputusan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini Filipina belum membuat ketetapan mengenai isu itu dan pada masa sama Malaysia juga tidak mahu menahan Misuari lebih lama di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas rumah terbukanya di sini hari ini, Dr Mahathir berkata penasihat Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo iaitu Norberto Gonzalez belum menemuinya bagi membincang perkara itu.

"Saya belum menemuinya (Gonzalez). Saya akan jumpa jika dia mahu menemui saya," katanya.

Kelmarin, Arroyo dilaporkan berkata, beliau akan menghantar utusan khasnya untuk membincangkan kedudukan Misuari dengan kerajaan Malaysia dan menemui Dr Mahathir. Gonzalez dipercayai sudah berada di ibu negara.

Misuari ditahan bersama enam yang lain di Pulau Jampiras, Sabah, pada 24 November lalu kerana memasuki negara ini secara haram dari Jolo, di selatan Filipina, selepas didakwa mengetuai pemberontakan bersenjata terhadap Manila dan mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina.

Sejak awal lagi, kerajaan Malaysia sedia menghantarnya pulang tetapi belum mendapat persetujuan Filipina.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, buat masa ini, Malaysia tidak bercadang mengambil tindakan terhadap Misuari.

Katanya, Misuari hanya ditahan di negara ini kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah ketika cuba memasuki Malaysia dan lazimnya dalam kes seumpama itu, pesalah dihantar pulang ke negara asal.

"Hakikatnya, kita tidak boleh menahannya (Misuari) terlalu lama dan kita berharap Manila buat persediaan menerimanya pada masa terdekat," katanya.

Mengikut undang-undang imigresen Malaysia, Misuari boleh ditahan sehingga 30 hari, dan tarikh akhirnya ialah 24 Disember ini.

Pada sidang akhbar di Manila, Arroyo berkata, beliau tidak mahu terus membebaskan Malaysia, yang menahan Misuari.

Misuari dituduh melancarkan pemberontakan bagi menentang tindakan kerajaan Filipina mengadakan pilihan raya untuk memilih penggantinya sebagai Gabenor Wilayah Autnomi IslamMindanao.

Ditanya sama ada Misuari akan dihantar ke negara ketiga jika Manila enggan menerimanya, Dr Mahathir berkata, kemungkinan cadangan itu menjadi pilihan bergantung kepada pendirian Manila.

(END)